

SOALAN NO: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR

TARIKH: 28 OKTOBER 2014

SOALAN:

Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pelan tindakan yang telah dirangka untuk memastikan sasaran melahirkan 50% tenaga kerja mahir menjelang 2020 dapat dicapai.

PR-1323-L64293

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Bagi menyokong usaha Kerajaan mewujudkan 50 peratus pekerja mahir menjelang tahun 2020, Kementerian Sumber Manusia, melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), berhasrat untuk meneruskan perlaksanaan Program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (*Recognition of Prior Learning, (RPL)*), bagi membolehkan para pekerja industri yang berkemahiran, tetapi tidak mempunyai sebarang persijilan, mendapat pengiktirafan ke atas kemahiran yang mereka perolehi setelah bertahun-tahun berkhidmat di dalam industri.

2. Sejak tahun 2010 hingga 31 Ogos 2014, RPL telah berjaya memberi peluang kepada 4,952 pekerja dari 143 majikan untuk mendapat persijilan dengan jumlah bantuan kewangan sebanyak RM2.02 juta.

Status Perlaksanaan Program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu di bawah PSMB

Tahun	Bilangan Pelatih	Bilangan Majikan	Bantuan Kewangan
2010	84	3	25,200.00
2011	28	4	8,400.00
2012	2,542	44	76,2300.00
2013	904	49	354,350.00
2014	1,394	43	868,350.00
Total	4,952	143	2,018,600.00

Tuan Yang Di Pertua,

3. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Manusia (JTM) juga sedang dalam perancangan bagi meningkatkan jumlah pelatih di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM). Antara cadangan yang dibuat adalah menjalankan latihan secara '*double shift*' bagi mengoptimumkan kapasiti latihan ILJTM untuk program latihan jangka panjang sedia ada, bekerjasama dengan badan Persijilan Professional mengikut kursus-kursus yang sesuai dan menjalankan kursus-kursus jangka pendek. Pihak jabatan mensasarkan keluaran **319,183** tenaga kerja mahir bagi tempoh 5 tahun perlaksanaan (**2015-2019**) dengan peningkatan keluaran

sebanyak 57% (115,782) berbanding anggaran keluaran sedia ada seramai 203,401.